

Dr. M rasmi pembinaan pusat perdagangan Malaysia pertama di Asia Barat

UM 22 APR 2000

MANAMA (Bahrain) 21 April — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini merasmikan uembinaan Pusat Perdagangan dan Pengeedaran Malaysia (MTDC) di Durrat Al Bahrain. Seef yang bakal menjadi pusat perdagangan Malaysia paling komprehensif yang pertama di Asia Barat.

Pembinaan pusat itu jelas mencerminkan kekuatan keyakinan kerajaan Bahrain terhadap kerjasama perniagaan dan hubungan perdagangan dengan Malaysia.

Ia dibina di atas tanah seluas 70,000 meter persegi kurniaan kerajaan Bahrain tetapi kerajaan Malaysia bertanggungjawab terhadap reka bentuk, pembinaan, pengurusan dan operasi pusat itu.

Dalam ucapan perasmianya, Dr. Mahathir berkata, Bahrain dipilih kerana negara itu adalah pusat pengeksportan semula dan pengedaran yang penting di Asia Barat, selain mempunyai kemudahan pelabuhan, lapangan terbang dan gudang yang baik.

Di samping itu, katanya, Bahrain merupakan pangkalan kepada sistem perbankan dan perkhidmatan insurans di Asia Barat.

Beliau berkata, apabila siap pada tahun 2004, MTDC akan menjadi pusat bagi memperkenalkan Malaysia sebagai pengeluar dan pengeksport produk dan perkhidmatan berkualiti di Bahrain dan rantau tersebut.

Perdana Menteri berkata, MTDC akan mempunyai ruang lantai seluas 37,000 meter persegi merangkumi dua bangunan utama iaitu untuk urusan peruncitan dan kemudahan gudang.

"Pasar raya besar akan menjadi komponen utama kerana ia akan menyediakan ruang perniagaan runcit untuk pelbagai barangan Buatan Malaysia," katanya.

Bagi syarikat Malaysia, katanya, MTDC akan dijadikan platform untuk mempamerkan barangan keluar-

an mereka dan seterusnya meneroka ke pasaran Asia Barat yang semakin berkembang dan berpotensi besar.

MTDC juga, kata Dr. Mahathir, akan menyediakan kemudahan penghantaran secara pukal ke Bahrain dan negara sekitarnya bagi mengurangkan kos pengangkutan dan pengendalian.

"Bagimenjadikan ia lebih menarik, pusat ini akan dilengkapi dengan kemudahan hiburan untuk keluarga seperti pusat makanan, pawagam, pusat jualan dan perkhidmatan dan pusat kesihatan.

Kemudahan lam yang disediakan termasuk ruang khas untuk pelancaran barangan, perpustakaan, kemudahan audio visual, bilik persidangan dan pejabat Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia (MTPB).

"Dan selari dengan konsep persyarikatan Malaysia, pengurusan dan operasi MTDC Bahrain ini akan dikendalikan oleh sektor swasta Malaysia bersama rakan niaga Bahrain," katanya.

Pada petang, Perdana Menteri merasmikan pula pejabat Petronas di Bahrain yang menandakan satu lagi kejayaan syarikat petroleum nasional itu mengembangkan sayapnya.

Pembukaan pejabat itu adalah hasil perjanjian perkongsian yang ditandatangani antara Kementerian Minyak Bahrain dengan Petronas pada November tahun lalu untuk mencari gali dan mengeluarkan minyak untuk Blok Empat dan Enam di luar pantai negara itu.

Dalam ucapannya, Dr. Mahathir menyifatkan kejayaan Petronas itu sebagai amat membanggakan kerana berjaya berdepan dengan persaingan antarabangsa yang sengit untuk mendapatkan hak tersebut.

"Lebih bermakna lagi ialah Petronas diberikan hak pengendalian mutlak dengan ekuiti 100 peratus di kedua-dua blok itu.